



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969

DR.29/1969

**RANG UNDANG² INSTITIUT PENYELIDEKAN DAN
KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA, 1969**

SUSUNAN FASAL

**BAHAGIAN 1
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajok ringkas.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN 2
INSTITIUT**

3. Institiut dan tugas²-nya.
4. Pengarah dan Timbalan Pengarah Institiut.

**BAHAGIAN 3
LEMBAGA**

5. Lembaga Pengelola.
6. Tugas² Lembaga.
7. Perlantekan pegawai² dan pengkhidmat² Institiut.

**BAHAGIAN 4
MAJLIS SAINS**

8. Majlis Sains.
9. Tugas² Majlis Sains.
10. Meshuarat Majlis Sains.
11. Keputusan Majlis Sains.
12. Minit.
13. Achara Majlis Sains.

**BAHAGIAN 5
KUMPULAN WANG DAN AKAUN**

14. Kumpulan Wang.
15. Akaun.
16. Laporan Tahunan.
17. Akaun Tahunan dan Laporan Tahunan.


**BAHAGIAN 6
TAMBAHAN**

18. Kuasa Lembaga meminjam.
19. Pelaboran.

Fasal

20. Chukai ces.
21. Pengechualian daripada duti setem.
22. Perlindungan ahli² Lembaga dan Majlis Sains terhadap tanggongan.
23. Penyelidekan ada-lah untok faedah 'awam.
24. Arahan Mentri.
25. Kaedah².

JADUAL.



RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi menubuhkan Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan bagi perkara² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya saperti berikut :

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969. Tajok ringkas.

2. Dalam Act ini— Tafsiran.

“Pengarah” dan “Timbalan Pengarah” erti-nya Pengarah Institiut dan mana² Timbalan Pengarah Institiut yang dilantik di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 4;

“Mentri” erti-nya Mentri Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

BAHAGIAN 2

INSTITIUT

3. Ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (di-bawah ini disebut “Institiut”) dan tugas²-nya ia-lah— Institiut dan tugas²-nya.

(a) menjalankan penyelidikan dari segi sains, teknik, dan menyibar ma'alumat dan nasihat berkenaan dengan penghasilan, penggunaan dan chara memproses segala jenis tanaman (kechuali getah), ternakan dan ikan ayer tawar;

(b) berkhidmat sa-bagai suatu pusat bagi mengumpul dan menyibar ma'alumat dan nasihat berkenaan dengan perkara² sains, teknik dan ekonomi berhubung dengan perusahaan pertanian termasuk menyiarkan laporan, terbitan² berkala dan kertas² ilmiah berkaitan dengan-nya;

- (c) menjadi sa-bagai suatu pusat perkhidmatan lanjutan pakar dalam perusahaan pertanian;
- (d) memberi nasihat berkenaan dengan latehan pekerja² bagi penyelidekan dan lanjutan dari segi sains dan teknik;
- (e) memberi bantuan bagi maksud penyelidekan dari segi sains, teknik dan ekonomi jenis jati dan gunaan berkenaan dengan perusahaan pertanian; dan
- (f) sentiasa mengadakan perhubungan dengan pertubohan² lain, sama ada 'awam atau sendirian, dalam negeri atau luar negeri yang mengambil bahagian dalam penyelidekan dari segi sains, teknik, ekonomi dan sosial berkenaan dengan perusahaan pertanian.

Pengarah
dan
Timbalan
Pengarah
Institusi.

4. (1) Bagi maksud Act ini sa-orang Pengarah Institiut dan dua orang Timbalan Pengarah Institiut hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dari antara orang² yang di-chalunkan oleh Mentri sa-lepas berunding dengan Majlis Sains sa-bagaimana di-tubuhkan di-bawah ini.

(2) Pengarah dan Timbalan Pengarah hendak-lah masing² di-lantek sa-lama tempoh yang di-nyatakan dalam surat perlantekan mereka dan ada-lah layak di-lantek sa-mula.

(3) Pengarah dan Timbalan Pengarah hendak-lah di-lantek atas apa² sharat sa-bagaimana di-peruntokkan dalam surat perlantekan mereka masing².

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh pada bila² masa mem-batalkan mana² perlantekan yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1); dan mana² orang yang di-lantek demikian itu boleh pada bila² masa meletakkan jawatan-nya.

(5) Pengarah hendak-lah menjadi Ketua Pegawai Kerja Institiut dan hendak-lah di-bantu oleh Timbalan Pengarah pada menjalankan kuasa² dan kewajipan²-nya berkenaan dengan tugas² pentadbiran dan teknik Institiut; dengan sharat, walau bagaimana pun, Lembaga, sa-bagaimana yang di-tuboh di-bawah ini, boleh menetapkan kuasa² dan kewajipan² lain yang di-fikirkan-nya patut bagi Pengarah dan Timbalan Pengarah.

(6) Jika dalam sa-suatu tempoh Pengarah tidak berupaya menjalankan tugas² jawatan-nya oleh kerana sa-suatu sebab atau, jika jawatan Pengarah menjadi kosong, Mentri hendak-lah melantek sa-orang Timbalan Pengarah bagi menjalankan kuasa² dan menyempurnakan kewajipan² Pengarah sa-hingga sa-orang Pengarah baharu di-lantek di-bawah sekshen-kechil (1).

BAHAGIAN 3

LEMBAGA

5. (1) Bagi maksud mentadbir Institiut maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan Lembaga Pengelola Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (dalam Act ini di-sebut sa-bagai "Lembaga") ia-itu suatu pertubohan yang di-perbadankan kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri, dan yang boleh menda'awa dan di-da'awa atas nama-nya, dan terta'alok kapada Act ini dan juga bagi maksud²-nya boleh membuat kontrek dan ada-lah juga berkuasa memperolehi dan memegang harta, sama ada boleh di-aleh atau tidak boleh di-aleh, dan melepaskan-nya atau, sa-chara lain, membuat apa² urusan berkenaan dengan-nya.

Lembaga
Pengelola.

(2) Lembaga hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut—

- (a) Pengarah Institiut—sa-bagai Pengerusi;
- (b) sa-orang wakil Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama—sa-bagai Timbalan Pengerusi;
- (c) sa-orang wakil Kementerian Kewangan;
- (d) sa-orang wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan;
- (e) sa-orang wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;
- (f) sa-orang wakil Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu; dan
- (g) tidak lebeh daripada lima orang ahli yang berpengalaman dalam penyelidikan pertanian atau ranchangan kemajuan pertanian.

(3) Ahli² Lembaga hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong; dan tiap² ahli Lembaga yang tersebut dalam perenggan (g) sekshen-kechil (2), melainkan jika ia terlebeh dahulu meletakkan jawatan-nya atau perlantekan-nya di-batalkan atau pun jawatan-nya menjadi kosong, hendak-lah memegang jawatan sa-lama tempoh tiga tahun dari tarikh perlantekan-nya tetapi ia ada-lah layak di-lantek sa-mula.

6. (1) Dengan tidak menyentoh sekshen-kechil (1) sekshen 5 Lembaga ada-lah mempunyai tugas² yang berikut sa-bagai tambahan—

Tugas²
Lembaga.

- (a) terta'alok kapada arahan Mentri, menetapkan dasar² pentadbiran Institiut;
- (b) menetapkan achara berkenaan dengan perlantekan, kenaikan pangkat dan penamatan perlantekan pekerja² dan pengkhidmat² Institiut, tidak termasuk Pengarah dan Timbalan Pengarah;

(c) dengan persetujuan Mentri, meluluskan belanjawan atau anggaran perbelanjaan bagi pentadbiran dan pengendalian Institiut; dan

(d) mengeluarkan kaedah² pentadbiran berkenaan dengan pentadbiran hari² Institiut.

(2) Pada atau sa-belum 31 haribulan Mach tiap² tahun Lembaga hendak-lah menghantar kepada Mentri dan Mentri Kewangan suatu Laporan Tahunan meliputi kegiatan² Institiut termasuk akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun terdahulu-nya.

(3) Peruntukan² Jadual hendak-lah di-pakai bagi Lembaga.

Perlantikan
pegawai²
dan peng-
khidmat²
Institiut

7. Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa melantek dan mengambil bekerja dengan membayar apa² saraan dan atas apa² syarat sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh kaedah², pegawai², pengkhidmat² dan perunding² sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Lembaga untuk melaksanakan Act ini dengan sa-patut-nya.

BAHAGIAN 4

MAJLIS SAINS

Majlis
Sains.

8. (1) Bagi maksud menentukan supaya ranchangan teknik Institiut mempunyai mutu dan memberi kesan yang sa-habis baik maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan Majlis Sains Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (dalam Act ini di-sebut sa-bagai "Majlis Sains").

(2) Majlis Sains hendak-lah terdiri daripada ahli² yang berikut—

- (a) Ketua Penasihat Sains Kerajaan atau Yang di-Pertua Majlis Sains Kebangsaan, sa-bagaimana di-lantek—sa-bagai Pengerusi;
- (b) sa-orang wakil Bahagian Pertanian, Kementerian Pertanian;
- (c) sa-orang wakil Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (d) sa-orang wakil Fakulti Sains Universiti Malaya;
- (e) sa-orang wakil Fakulti Pertanian Universiti Malaya;
- (f) sa-orang wakil Maktab Pertanian Serdang;
- (g) sa-orang wakil Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu;
- (h) tidak lebih daripada tiga orang dari perusahaan pertanian;

- (i) Pengarah—sa-bagai ahli atas jawatan; dan
- (j) sa-orang Timbalan Pengarah—sa-bagai setia-usaha kerja.

(3) Ahli² Majlis Sains yang tersebut dalam perenggan (h) sekshen-kecil (2) hendak-lah di-lantek oleh Mentri dari antara ahli pertanian yang berkelayakan dan profeshenal yang, pada pendapat Mentri, ada mempunyai kebolehan untuk memberi sumbangan terhadap perjalanan yang sempurna dan sa-patut bagi Majlis Sains.

(4) Tiap² ahli Majlis Sains yang tersebut dalam perenggan (h) sekshen-kecil (2), melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatan-nya atau perlantekan-nya di-batalkan atau pun jawatan-nya menjadi kosong, hendak-lah memegang jawatan sa-lama tempoh tiga tahun dari tarikh perlantekan-nya tetapi ia ada-lah layak di-lantek sa-mula.

(5) Jika, tatkala Institiut di-tubuhkan Ketua Penasihat Sains Kerajaan atau Yang di-Pertua Majlis Sains Kebangsaan belum lagi di-lantek, maka jawatan Pengerusi Majlis Sains hendak-lah di-pegang oleh sa-orang yang berkelayakan sa-bagaimana di-namakan oleh Mentri.

9. Dengan tidak menyentoh sekshen-kecil (1) sekshen 8, Majlis Sains hendak-lah mempunyai tugas² berikut sa-bagai tambahan—

Tugas²
Majlis
Sains.

- (a) memberi nasihat berkenaan dengan menyusun dan mengulangkaji ranchangan penyelidekan Institiut;
- (b) untuk menentukan keutamaan bagi ranchangan penyelidekan dan kemajuan Institiut supaya mempunyai mutu dan memberi kesan yang sa-habis baik;
- (c) sentiasa mengadakan perhubungan dengan pertubohan² luar Negeri, sama ada dalam bahagian² awam atau sendirian, dan sentiasa mengadakan perhubungan dengan keperluan penyelidekan pertanian;
- (d) terta'alok kapada apa² achara yang di-tetapkan oleh Lembaga, menetap dan menguntokkan pemberian bantuan untuk penyelidekan yang akan di-jalankan oleh pertubohan² atau perejenan² lain;
- (e) terta'alok kapada apa² achara yang di-tetapkan oleh Lembaga, memilih penerima² biasiswa dan mengeluarkan hadiah² atau pemberian bantuan perjalanan yang akan di-biaya² oleh Institiut;

- (f) memberi panduan dalam kemudahan² kemajuan atau penyelidekan termasuk pemilehan tempat² dan kemudahan² ma'amal dan penyeliaan benda² kelengkapan pakar yang mustahak;
- (g) memberi nasihat berkenaan dengan achara² menilai kebolehan dan pekerjaan kakitangan profeshenal yang di-lantek di-bawah Act ini, termasuk kenaikan pangkat berasaskan jasa profeshenal;
- (h) memberi nasihat berkenaan dengan kerja² penyusunan perpustakaan dan terbitan² Institiut.

Meshuarat
Majlis Sains.

10. Majlis Sains hendak-lah bermeshuarat sa-kurang²-nya empat kali tiap² satu tahun dan, sa-lain daripada itu, hendak-lah bermeshuarat apabila di-panggil oleh Pengerusi Majlis Sains atau Setia-usaha Kerja-nya.

Keputusan
Majlis Sains.

11. Sa-suatu keputusan Majlis Sains hendak-lah di-putuskan menurut lebehsuara ahli² yang hadir dan mengundi.

Minit.

12. Rekod² perjalanan segala meshuarat Majlis Sains hendak-lah di-simpan oleh Pengerusi Majlis Sains dan salinan²-nya hendak-lah di-hantar kapada Lembaga.

Achara
Majlis Sains.

13. Terta'alok kapada peruntokan² Act ini dan apa² kaedah yang di-buat di-bawah-nya, Majlis Sains boleh-lah menetapkan achara-nya sendiri.

BAHAGIAN 5

KUMPULAN WANG DAN AKAUN

Kumpulan
Wang.

14. Bagi maksud Act ini maka hendak-lah di-tubuhkan Kumpulan Wang Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (di-bawah ini di-sebut sa-bagai "Kumpulan Wang") yang akan di-tadbir oleh Lembaga mengikut peruntokan² Act ini dan—

- (a) apa² chukai ces khas yang boleh di-kenakan atau di-pungut mengikut sekshen 20 hendak-lah di-bayar kapada-nya;
- (b) apa² pemberian bantuan kapada Institiut oleh kerajaan Persekutuan atau kerajaan Negeri hendak-lah di-bayar kapada-nya;
- (c) apa² wang dari mana² puncha, apa² charum, derma kekal, pemberian atau pemberian wasiat yang mungkin di-beri kapada atau untok Institiut hendak-lah di-bayar kapada-nya;

- (d) segala perbelanjaan berkaitan dengan pentadbiran Institiut, Lembaga dan Majlis Sains dan apa² perbelanjaan lain yang boleh di-bayar menurut peruntokan² Act ini hendak-lah di-bayar dari-pada-nya.

15. (1) Lembaga hendak-lah menyebabkan supaya akaun Kumpulan Wang yang sa-benar dan sa-patut di-simpan dan hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas 31 haribulan Disember pada tiap² tahun, dan tidak lewat daripada 30 haribulan Jun, mengeluarkan suatu laporan mengenai Kumpulan Wang bersama dengan kunchi kira² dan akaun pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun yang terdahulu-nya, di-kira dari 1 haribulan Januari atau dari tarikh Kumpulan Wang itu di-mulakan hingga ka-31 haribulan Disember, dan suatu senarai pelaboran² (jika ada) Kumpulan Wang menunjokkan harga²-nya serta nilai-nya pada tarikh akhir yang di-nyatakan itu. Akaun.

(2) Kunchi kira², pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaboran (jika ada) tahunan Kumpulan Wang itu, hendak-lah, sa-belum ia di-keluarkan, di-odit oleh juru odit atau juru² odit yang di-lantek oleh Lembaga dengan persetujuan Menteri Kewangan.

16. Lembaga hendak-lah dalam masa tiga bulan dari penutupan tahun kewangan-nya— Laporan Tahunan.

(a) menghantar, satu kapada Menteri dan satu kapada Menteri Kewangan, salinan akaun tahunan yang di-perakuï oleh juru odit dan kemudian-nya akaun itu hendak-lah di-siarkan dalam *Warta*;

(b) menghantar, satu kapada Menteri dan satu kapada Menteri Kewangan, laporan Lembaga berkenaan dengan kegiatan² Institiut bagi sa-panjang tahun itu dan laporan itu hendak-lah di-siarkan oleh Lembaga.

17. Akaun Tahunan dan Laporan Tahunan yang tersebut di-atas hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh di-bentang dalam kedua² Majlis Parlimen. Akaun Tahunan dan Laporan Tahunan.

BAHAGIAN 6

TAMBAHAN

18. Terta'alok kapada kelulusan Menteri Kewangan, Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa meminjam atau mendapatkan pembayaran apa² wang yang di-kehendaki oleh-nya untuk menjalankan tugas²-nya dengan sa-patut di-bawah Act ini. Kuasa Lembaga meminjam.

Pelaboran.

19. Aset Instituti boleh di-laborkan oleh Lembaga dalam pelaboran yang pada masa itu di-benarkan oleh undang² untuk pelaboran kumpulan wang amanah:

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh membuat apa² pelaboran dalam chagaran² yang di-keluar atau di-daftarkan atau dalam harta² lain yang terletak di-luar Malaysia kechuali dengan kelulusan Mentri Kewangan.

Chukai
ces.

20. Walau apa pun peruntokan mana² undang² bertulis berkenaan dengan impot dan eksepot hasilan pertanian, Mentri Kewangan boleh, bagi maksud Act ini, dan sa-telah berunding dengan Mentri mengenakan chukai² ces khas ka-atas hasilan pertanian yang di-fikirkan-nya patut bagi maksud² penyelidekan pertanian.

Pengechua-
lian dari-
pada duti
setem.

21. Lembaga hendak-lah di-kechualikan daripada mem-bayar duti setem di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan duti² setem.

Perlin-
dongan ahli²
Lembaga
dan Majlis
Sains
terhadap
tanggungan.

22. Tiada sa-saorang ahli Lembaga atau ahli Majlis Sains boleh bertanggung sendiri terhadap apa² kerugian atau kerosakan yang di-sebabkan oleh apa² perbuatan atau ketinggalan dalam mengurus atau menjalankan hal ehwal Instituti, Lembaga atau Majlis Sains, melainkan jika keru-gian atau kerosakan itu di-sebabkan oleh suatu perbuatan atau ketinggalan salah yang sengaja di-pehak-nya.

Penyeli-
dekan ada-
lah untuk
faedah
'awam.

23. Walau apa pun puncha kewangan yang membolehkan apa² penyelidekan atau ranchangan di-jalankan mengikut peruntokan² Act ini, hasil² penyelidekan atau ranchangan itu hendak-lah menjadi kepunyaan 'awam.

Arahan
Mentri.

24. Mentri boleh dari sa-masa ka-samasa mengeluarkan arahan² 'am yang tidak berlawanan dengan peruntokan² Act ini kepada Lembaga, dan Lembaga hendak-lah melak-sanakan arahan² itu.

Kaedah².

25. Dengan persetujuan Mentri, dan mengenai (a) dan (b) terta'alok kepada persetujuan Mentri Kewangan, Lembaga boleh membuat kaedah² bagi kesemua atau mana² perkara yang berikut—

(a) menetapkan tangga gaji dan syarat² mengambil bekerja pegawai² dan pengkhidmat² Instituti, ter-masok peruntokan² mengenai pinjaman kepada pegawai² dan pengkhidmat² itu;

(b) menuboh dan mengurus suatu kumpulan wang sim-panan bercharum bagi pegawai² dan pengkhid-mat² Instituti atau untuk membayar penchen,

elaun atau ganjaran kepada pegawai² dan pengkhidmat tersebut apabila bersara atau pun apabila berhenti memegang jawatan;

(c) prinsip² dan achara² berkenaan dengan perlantekan, kenaikan pangkat dan penamatan perlantekan dalam Institiut, tidak termasuk Pengarah dan Timbalan Pengarah;

(d) prinsip² dan achara² bagi menilai kebolehan dan pekerjaan kakitangan profeshenal Institiut; dan

(e) apa² perkara lain yang boleh di-tetapkan di-bawah Act ini.

JADUAL

(Sekshen 6)

1. Lembaga hendak-lah bermeshuarat sa-kurang ² -nya empat kali tiap ² satu tahun dan, sa-lain daripada itu, hendak-lah bermeshuarat apabila di-panggil oleh Pengerusi.	Meshuarat Lembaga.
2. Kehadhiran lima orang ahli ada-lah menjadi chukupbilang dalam mana ² meshuarat Lembaga.	Chukupbilang.
3. Minit segala meshuarat Lembaga hendak-lah di-simpan dan salinan ² -nya hendak-lah di-sampaikan kepada Mentri.	Minit ² Lembaga.
4. Meteri Lembaga hendak-lah di-persah oleh Pengerusi, atau ahli lain yang bertindak sa-bagai Pengerusi, dan sa-orang lagi ahli Lembaga, dan apa ² suratan yang berupa sa-bagai di-meteri dengan meteri tersebut dengan di-persah saperti tersebut di-atas, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah sa-hingga akas-nya di-buktikan.	Meteri Lembaga.
5. Terta'alok kepada Act ini, Lembaga hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.	Achara Lembaga.
6. Lembaga boleh melantek sa-suatu Jawatan-kuasa atau beberapa Jawatan-kuasa sa-bagaimana di-fikirkan-nya patut.	Kuasa melantek.
7. Lembaga boleh menghendaki sa-siapa jua menyampaikan apa ² ma'alumat yang, pada pendapat Lembaga, perlu untok menjalankan tugas ² -nya di-bawah Act ini.	Kuasa menghendaki.

HURAIAN

1. Maksud Rang Undang² ini ia-lah untok menubuhkan Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dengan tugas²-nya saperti di-nyatakan dalam Fasal 3. Antara tugas² Institiut yang penting ia-lah menjalankan segala penyelidikan dan penyiasatan dari segi sains, teknik, ekonomi dan sosial di-seluruh Malaysia berkenaan dengan penghasilan, penggunaan dan chara memperoses segala jenis tanaman (kechuali getah), ternakan dan ikan ayer tawar; dan menjadi sa-bagai suatu pusat bagi mengumpul, menyibar ma'alumat dan nasihat hasil daripada penyelidikan dan penyiasatan itu.

2. Achara² 'am dan dasar² bagi pentadbiran Institiut hendak-lah 'di-tetapkan oleh Lembaga Pengelola yang di-tubuhkan di-bawah Fasal 5. Ahli² Lembaga Pengelola ia-lah sa-bagaimana di-nyatakan dalam Fasal 5 (2).

3. Pengarah Institiut, yang akan di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong, hendak-lah menjadi Ketua Pegawai Kerja Institiut dan ia akan di-bantu pada menjalankan tugas²-nya oleh dua orang Timbalan Pengarah yang juga akan di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong. Perlantekan² ini di-buat dari antara orang² yang di-chalunkan oleh Mentri sa-lepas berunding dengan Majlis Sains.
4. Majlis Sains ada-lah di-tubuhkan di-bawah Rang Undang² ini dengan tujuan supaya ranchangan teknik Institiut mempunyai mutu dan memberi kesan yang sa-habis² baik. Ahli² Majlis Sains ada-lah sa-bagaimana di-nyatakan dalam Fasal 8 (2).
5. Peruntokan² berkenaan dengan kumpulan wang dan akaun Institiut ada-lah terkandung dalam Bahagian 5.
6. Antara peruntokan² mustahak yang terkandung dalam Bahagian 6 ia-lah—
 - (a) peruntokan² berkenaan dengan kuasa Mentri Kewangan mengenakan apa² chukai ces khas ka-atas hasilan pertanian; dan
 - (b) peruntokan² berkenaan dengan kaedah² yang boleh di-buat oleh Lembaga dengan persetujuan Mentri berkenaan dengan prinsip² dan achara² kenaikan pangkat dan sharat² perkhidmatan pegawai² institiut.

[P.N. 4718.]